

# PUSAT KAJI AMBIL URUSAN BEKALAN

Cadangan ini pernah dikemukakan tapi beberapa negeri tak minat – Dr. M

**PELABUHAN KLANG 10 Mac** – Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata hari ini bahawa kerajaan sedang mengkaji kemungkinan untuk meletakkan urusan bekalan air di bawah kuasa Kerajaan Pusat.

Perdana Menteri bagaimanapun menolak kemungkinan kerajaan akan memperkenalkan proses penyulingan air laut kerana kosnya terlalu mahal.

Beliau berkata, sebelum ini Kerajaan Pusat telah mencuba untuk meletakkan urusan bekalan air di bawah pentadbirannya tetapi terdapat beberapa negeri yang tidak berminat dengan cadangan itu.

Bercakap kepada para pemberita selepas melawat Pertunjukan Bot Malaysia yang pertama di Kelab Pelayaran Diraja Selangor (RSYC) di sini hari ini, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, kerajaan ingin memastikan semua negeri mendapat bekalan air yang mencukupi pada masa akan datang.

## PUSAT KAJI AMBIL ALIH URUSAN AIR

"Masalahnya, sama ada kita ada wang yang cukup untuk menyediakan semua sekali, jika kita tumpukan pada bekalan air yang lain-lain terpaksa ketinggalan, oleh itu kita perlu buat pilihan daripada segi keutamaan," tambah beliau.

Menurut Dato' Sri Dr. Mahathir, kerajaan berpendapat bahawa bekalan air adalah pelaburan untuk membangunkan negara dan semua pihak perlu bersabar untuk mendapatkan keperluan lain sehingga negara memperolehi cukup keperluan asas seperti air dan elektrik.

Beliau bagaimanapun memberitahu bahawa masalah air sekarang tidak menjejaskan pelaburan asing kerana kerajaan masih mempunyai bekalan yang cukup.

Bagaimanapun kata beliau, yang menjadi masalah sekarang ialah kesukaran untuk membekalkan air ke negeri-negeri yang memerlukan kerana bekalan air dikuasai oleh kerajaan negeri.

"Masalah kita sekarang ialah sesetengah negeri mempunyai banyak air, tetapi penduduk tidak ramai, sedangkan ada negeri yang mempunyai ramai penduduk tetapi kurang air," tambah beliau.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas masalah bekalan air yang melanda beberapa buah negeri sejak kebelakangan ini.

Menurut beliau, bekalan air tidak mendatangkan keuntungan yang banyak tetapi ia terpaksa dibekalkan juga sebagai salah satu keperluan asas.

"Kebanyakan kerajaan negeri terpaksa membuat pinjaman yang banyak sebagai pelaburan modal tetapi tidak mungkin mereka dapat membayar balik," ujarnya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan terpaksa mempertingkatkan infrastruktur untuk menambatkan bekalan air memandangkan pelaburan yang semakin bertambah.

**LIHAT MUKA 2**

Menyentuh laporan Kerajaan Melaka mengenai punca kehilangan air secara tiba-tiba dari Empangan Durian Tunggal, Perdana Menteri berkata, beliau telah menerimanya dan isu tersebut akan dibincang dalam mesyuarat kabinet Rabu ini.

Terdahulu daripada itu, ketibaan Dato' Sri Dr. Mahathir di pameran bot tersebut disambut oleh Raja Muda Selangor, Tengku Idris Shah, Menteri Besar, Tan Sri Muhammad Haji Mohd. Taib dan Komodor RSYC, Encik Johan Ariff.

Sepanjang lawatan dua jam itu, Perdana Menteri turut melepaskan perlumbaan sampan layar yang disertai oleh 30 kanak-kanak.

# ALIH AIR